

## **BAB EMPAT**

### **ANALISIS KEMUNGKINAN PENGGUNAAN TAKWIM HIJRI**

#### **4.1 PENGENALAN**

Dalam bab keempat ini, pengkaji akan menganalisis secara perbandingan sumbangan takaful menggunakan takwim Hijri dan takwim Gregory. Analisis dibuat dengan mengambil kira tarif bagi kenderaan yang mempunyai nilai keupayaan enjin (CC) di bawah 1400 CC hingga 4400 CC dan ke atas untuk kenderaan yang mengambil perlindungan takaful komprehensif. Analisis dibuat dengan mengambil kira tarif, harga semasa, dan perbezaan sumbangan yang menggunakan takwim Gregory dan juga takwim Hijri. Selain analisis perbandingan pengkaji juga menggunakan analisis induktif dan deduktif dalam mendapatkan gambaran sebenar tentang implikasi dan potensi penggunaan takwim Hijri kepada peserta dan syarikat takaful. Analisis ini dibuat terhadap semua bahan bacaan dan juga temubual yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini.

## **4.2 KENDERAAN BARU**

Pengkaji memilih kenderaan baru adalah kerana kenderaan jenis ini akan digunakan dalam masa yang lama oleh seseorang peserta takaful. Sampel yang dipilih adalah berdasarkan kategori tarif kenderaan untuk kenderaan persendirian. Penggunaan tarif adalah merujuk kepada jadual tarif bagi kenderaan di semenanjung Malaysia sahaja tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Produk ini ditawarkan kepada semua peserta yang ingin mengambil sijil takaful motor dengan pihak Takaful Ikhlas Sdn.Bhd.(TISB). Relevan pemilihan adalah disebabkan produk jenis ini merupakan produk yang penting bagi seseorang peserta takaful untuk memperbaharui cukai jalan dan juga mendapat perlindungan berdasarkan harga semasa kenderaan. Peserta juga akan mendapat manfaat kecurian dan kemalangan membabitkan pihak ketiga.

### **4.2.1 KENDERAAN YANG MEMPUNYAI NILAI KEUPAYAAN ENJIN (CC)**

#### **1400 CC KE BAWAH.**

##### **1. Perodua Myvi XT EZ1 - 1300cc Automatic**

Pengkaji membuat pemilihan dengan melihat kepada Nilai keupayaan Enjin (CC) kenderaan. Myvi XT EZ1 dipilih kerana kenderaan tersebut berada di dalam kelas 1400 CC ke bawah. Dengan berpandukan kepada harga belian kenderaan tersebut iaitu RM 45 500<sup>1</sup>. Jadual 4.1 menunjukkan sebuah kenderaan jenis Myvi XT EZ1, berkeupayaan enjin 1300 cc, tahun 2014. Analisis akan dibuat dengan mengambil kira bilangan kenderaan (a), tahun langganan (b), harga sumbangan

---

<sup>1</sup> www.perodua.com.my, “Car Prices,” dilihat pada 21 April, 2014, <http://www.perodua.com.my/ourcars/myvi/price>.

takaful (c), takwim digunakan: Gregory (d); Hijri (e), dan perbezaan antara takwim Gregory dan Hijri (f).

Jadual 4.1: Kereta jenis Perodua Myvi XT EZ1 , berkeupayaan enjin 1298 CC , tahun 2014

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e) = $\frac{d}{365} \times 354$	(f) = d – e
1	2014	45 500	1418.65	1375.09	42.75
		Total	1418.65	1375.09	42.75

Sumber : [www.perodua.com.my](http://www.perodua.com.my)

Jadual 4.1 di atas telah mendapati bahawa sebuah kenderaan jenis Myvi, berkeupayaan enjin 1298 CC merupakan sebuah kenderaan baru. Lajur (a) menunjukkan bilangan tahun di mana peserta melanggan sijil takaful. Lajur (b) adalah tahun langganan iaitu 2014. Lajur (c) pula ialah harga pasaran iaitu RM45 500 pada tahun dibeli. Lajur (d) harga untuk takwim Gregory iaitu RM 1560.52, lajur (e) ialah harga dalam takwim Hijri iaitu RM 1513.49, manakala lajur (f) ialah perbezaan harga antara takwim Gregory dan Hijri iaitu sebanyak RM 47.03. Analisis awal mendapat terdapat perbezaan harga iaitu sebanyak RM 47.03 jika kenderaan menyumbang dalam takwim Hijri kepada syarikat takaful. Pengkaji mengandaikan bahawa peserta akan mendapat lebih penjimatan sumbangan sekiranya diunjurkan untuk 10 tahun akan datang seperti dalam ilustrasi pada jadual 4.1.1 ini.

Jadual 4.1.1: Anggaran unjuran selama 10 tahun Gregory

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e) = $\frac{d}{365} \times 354$	(f) = d – e
1	2014	45 500	1560.52	1513.49	47.03
2	2015	40 950	1300.35	1261.16	39.19
3	2016	36 855	1193.88	1157.90	35.98
4	2017	33 169	1098.04	1064.95	33.09
5	2018	29 852	1011.80	981.31	30.49
6	2019	26 866	934.17	906.01	28.15
7	2020	24 180	864.33	838.28	26.05
8	2021	21 762	801.46	777.31	24.15
9	2022	19 585	744.86	722.41	22.45
10	2023	17 627	693.95	673.04	20.91
		Total	10 061.50	9 758.27	303.22

Jadual 4.1.1 di atas adalah jadual lengkap ilustrasi penggunaan takwim Hijri berbanding Gregory di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB). Jadual menunjukkan unjuran penggunaan takwim selama 10 tahun Gregory. Lajur (a) ialah bilangan perubahan tahun iaitu dari 1 tahun hingga 10 tahun. Lajur (b) ialah tahun langganan, di mana ilustrasi yang dibuat diunjurkan bermula tahun 2014 M hingga tahun 2023 M. Lajur (c) ialah harga pasaran bagi kereta Myvi 1.3 EZi yang berubah-berubah mengikut harga pasaran<sup>2</sup> iaitu 10% setahun. Lajur (d) ialah harga dalam takwim Gregory. Didapati harga berkurang dari RM1560.52 hingga RM 693.95. Lajur (e) ialah harga dalam takwim Hijri. Didapati harga dalam takwim Hijri lebih rendah dari harga dalam takwim Gregory. Lajur (f) ialah perbezaan harga antara takwim Gregory dan takwim Hijri. Jadual mendapati penggunaan takwim Hijri mempunyai perbezaan dari segi sumbangan iaitu RM 303.22 dalam tempoh 10 tahun.

<sup>2</sup> Pengurangan harga 10% setahun ini dibuat selepas pengkaji mengadakan sesi temubual bersama Zaifizar Zainal Abidin, (Pengurus Aktuari Takaful Ikhlas Sdn. Bhd), dalam temubual dengan pengkaji, 13 Januari 2011)..

#### **4.2.2 KENDERAAN YANG MEMPUNYAI NILAI KEUPAYAAN ENJIN (CC) 1401 CC- 1650 CC.**

##### **2. Alza Advanced Version - 1.5L Automatic**

Analisis seterusnya adalah melihat kepada kenderaan dengan nilai keupayaan enjin (CC) dari kelas 1401 cc hingga 1650 cc. Kelas ini merupakan susunan kedua dari senarai tarif yang dikeluarkan seperti yang dibincangkan dalam bab 3 sebelum ini. Harga pasaran bagi kenderaan jenis ini ialah RM 64 600<sup>3</sup>. Analisis akan dibuat dengan mengambil kira bilangan kenderaan (a), tahun langganan (b), harga sumbangan takaful (c), takwim digunakan: Gregory (d); Hijri (e), dan perbezaan antara takwim Gregory dan Hijri (f). Jadual 4.2 di bawah menerangkan maklumat seperti yang disebut ini:-

Jadual 4.2: Kereta jenis Perodua Alza Advanced Version - 1.5L Automatik ,

berkeupayaan enjin 1495 CC , tahun 2014

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e) = $\frac{d}{365} \times 354$	(f) = d – e
1	2014	64 600	1 945.60	1 886.97	58.63
		Total	1 945.60	1886.97	58.63

Sumber : [www.perodua.com.my](http://www.perodua.com.my)

<sup>3</sup> [www.perodua.com.my](http://www.perodua.com.my), “Car Prices.”

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.2 di atas, jadual mendapati dalam lajur (a) bilangan kenderaan adalah satu, lajur (b) tahun langganan iaitu tahun 2014, lajur (c) harga sumbangan takaful berjumlah RM 64 600. Lajur (d) harga dalam takwim Gregory iaitu RM 1 945.60, lajur (e) harga dalam takwim takwim Hijri iaitu RM 1886.97 dan lajur (f) perbezaan harga antara takwim Gregory dan Takwim Hijri. Pengiraan berpandukan formula yang diberikan di dalam jadual di atas mendapati perbezaan harga antara takwim Gregory dan takwim Hijri ialah RM 58.63. Unjuran 10 tahun dibuat dalam jadual 4.2.2 di bawah ini dan dapatannya adalah seperti berikut:-

Jadual 4.2.1: Anggaran unjuran selama 10 tahun Gregory

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e) = $\frac{d}{365} \times 354$	(f) = $d - e$
1	2014	64 600	1 945.60	1 886.97	58.63
2	2015	58 140	1 777.64	1 724.07	53.57
3	2016	52 326	1 626.48	1 577.46	49.02
4	2017	47 093	1 490.42	1 445.50	44.92
5	2018	42 384	1 367.98	1 326.75	41.23
6	2019	38 145	1 257.77	1 219.86	37.91
7	2020	34 331	1 158.61	1 123.69	34.92
8	2021	30 898	1 069.35	1 037.12	32.23
9	2022	27 808	989.01	959.20	29.81
10	2023	25 027	916.70	889.07	27.63
		Total	13,599.56	13,189.71	409.85

Jadual 4.2.1 di atas mendapati unjuran yang dibuat selama 10 tahun Gregory terdapat perubahan dari segi perbezaan harga berbanding jadual 4.1.1 sebelumnya. Lajur (a) menunjukkan perubahan bilangan 1 hingga 10, lajur (b) perubahan tahun dari tahun 2014 M hingga 2023 M, lajur (c) harga sumbangan takaful. Harga disumbangkan mengikut harga pasaran yang berkurang sebanyak 10% setahun.

Harga bermula RM 64 600 dan diakhiri dengan RM 25 027 pada tahun 2023 M. lajur (d) menunjukkan perubahan sumbangan menggunakan takwim Gregory iaitu RM 1945.60 hingga RM 916.70, iaitu penurunan harga sebanyak 47.11%. Seterusnya lajur (e) ialah harga dalam takwim Hijri iaitu bermula RM 1 886.97 pada tahun pertama dan berakhir dengan RM 889.07 pada tahun ke-10. Lajur (f) merupakan perbezaan harga antara takwim Gregory dan takwim Hijri di mana terdapat perbezaan sebanyak RM 409.85 selama 10 tahun seperti dalam jadual tersebut. Pengkaji mendapati apabila nilai keupayaan enjin sesebuah kenderaan semakin besar, maka jumlah penjmatan juga adalah besar.

#### **4.2.3 KENDERAAN YANG MEMPUNYAI NILAI KEUPAYAAN ENJIN (CC) 1651 CC- 2200 CC.**

##### **3. Nissan Sylphy 2.0 XL Comfort**

Bagi kelas 1651 cc hingga 2200 cc, pengkaji memilih kenderaan jenis Nissan Sylphy 2.0 XL Comfort. Kenderaan ini berharga RM 114 911<sup>4</sup>. Analisis akan dibuat dengan mengambil kira bilangan kenderaan (a), tahun langganan (b), harga sumbangan takaful (c), takwim digunakan: Gregory (d); Hijri (e), dan perbezaan antara takwim Gregory dan Hijri (f). Jadual 4.1 di bawah menerangkan seperti berikut:-

---

<sup>4</sup> www.nissan.com.my, “Nissan Sylphy,” dilihat pada 20 April, 2014, <http://www.nissan.com.my/vehicles/sylphy>.

Jadual 4.3: Kereta jenis Nissan Sylphy 2.0 XL Comfort, berkeupayaan enjin 1997

CC , tahun 2014

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	€	(d)	$\epsilon = \frac{d}{365} \times 354$	(f) = d – e
1	2014	114 911	3 285.49	3 186.48	99.01
		Total	3 285.49	3 186.48	99.01

Sumber: [www.nissan.com.my](http://www.nissan.com.my)

Jadual 4.3 di atas menjelaskan perbezaan harga antara takwim Gregory dan Hijri terhadap kereta jenis Nissan Sylphy 2.0 XL Comfort seperti yang diterangkan di atas. Lajur (a) menerangkan bilangan kenderaan iaitu satu, lajur (b) tahun langganan iaitu 2014 M, manakala lajur (c) ialah harga sumbangan takaful iaitu RM 114 911. Takwim yang digunakan seperti dalam lajur (d) ialah takwim Gregory dengan sumbangan RM 3 285.49 dan takwim Hijri berjumlah RM 3 186.48 seperti tercatat dalam lajur (e). Perbezaan sumbangan ialah RM 99.01 apabila menggunakan kalendar Hijri berbanding kalendar Gregory. Pengkaji membuat unjuran 10 tahun lagi ke hadapan seperti dalam jadual 4.3.1 bagi melihat penjimatan yang boleh didapati sekiranya penggunaan kalendar Hijri mungkin digunakan. Unjuran adalah seperti berikut:-

Jadual 4.3.1: Anggaran unjuran selama 10 tahun Gregory

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e) = $\frac{d}{365} \times 354$	(f) = d – e
1	2014	114 911	3 285.49	3 186.48	99.01
2	2015	103 420	2 986.72	2 896.71	90.01
3	2016	93 078	2 717.83	2 635.92	81.91
4	2017	83 770	2 475.82	2 401.21	74.61
5	2018	75 393	2 258.02	2 189.97	68.05
6	2019	67 854	2 062.00	1 999.86	62.14
7	2020	61 069	1 885.59	1 828.76	56.83
8	2021	54 962	1 726.81	1 674.77	52.04
9	2022	49 466	1 583.92	1 536.19	47.73
10	2023	44 319	1 450.09	1 406.39	43.70
		Total	22 432.29	21 756.25	676.04

Jadual 4.3.1 di atas adalah unjuran 10 tahun perbezaan penggunaan takwim Gregory dan takwim Hijri. Didapati lajur (a) ialah perubahan bilangan 1 hingga 10 tahun. Lajur (b) ialah perubahan tahun iaitu bermula dari tahun 2014 hingga M-2023 M. Lajur (c) ialah harga sumbangan takaful mengikut pasaran. Harga sumbangan tersebut dibuat berdasarkan pandangan 10% harga pasaran yang jatuh setiap tahun. Harga pasaran bermula pada RM 114 911 dan berakhir pada 44 319 selama 10 tahun. Lajur (d) menunjukkan harga sumbangan takaful iaitu RM 3 285.49 hingga harga terendah pada tahun 2023 M iaitu RM 1 450.09. Seterusnya lajur (e) ialah harga mengikut takwim Hijri iaitu bermula RM 3 186.48 dan berakhir dengan RM 1 406.39 pada tahun 2023 M. Keseluruhan dapatan menunjukkan terdapat perbezaan harga antara takwim Gregory dan takwim Hijri di mana harga perbezaan berubah-ubah bermula RM 99.01 hingga RM 43.70. Jumlah keseluruhan perbezaan selama 10 tahun ialah RM 676.04.

#### **4.2.4 KENDERaan YANG MEMPUNYAI NILAI KEUPAYAAN ENJIN (CC) 2201 CC- 3050 CC.**

##### **4. C 300 Avantgarde With AMG Sports Package (CKD)**

Berikutnya sebuah kenderaan dengan nilai keupayaan enjin (CC) bagi kategori 2201 cc hingga 3050 cc ialah kenderaan Mercedes Benz C 300 Avantgarde With AMG Sports Package (CKD). Harga pasaran bagi kenderaan ini ialah RM 325 888<sup>5</sup>. Berpandukan jadual 4.4 di bawah ini, maka analisis akan dibuat dengan mengambil kira bilangan kenderaan (a), tahun langganan (b), harga sumbangan takaful (c), takwim digunakan: Gregory (d); Hijri (e), dan perbezaan antara takwim Gregory dan Hijri (f).

Jadual 4.4: Kereta jenis C 300 Avantgarde With AMG Sports Package (CKD),

berkeupayaan enjin 2996 CC , tahun 2014

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e) = $\frac{d}{365} \times 354$	(f) = d – e
1	2014	325 888	8,802.59	8,537.31	265.28
		Total	8,802.59	8,537.31	265.28

Sumber: [www.mercedes-benz.com.my](http://www.mercedes-benz.com.my)

<sup>5</sup> <http://www.mercedes-benz.com.my/>, “C-Class Saloon,” dilihat pada 20 April, 2014, [http://www.mercedesbenz.com.my/content/malaysia/mpc/mpc\\_malaysia\\_website/myng/home\\_mpc/passengerCars/home/new\\_cars/models/cclass/\\_w204/configurator/configurator\\_w204.html?tp\\_ccci=/dscc\\_my/globalsessionid/DSC\\_ger3A31643B39266A37FF3251540A5E0300/dsc\\_locale/en\\_MY/appId/DSC\\_ger/siteLocale/en\\_MY/newConfiguration.jam1%3bjSessionId=0000Jzr86uR60HZLcPGEmxJe0Ij:186s0758d%3fClassId=%26BaumusterId=204054%26ClassGroupId=%26BodyId=%26NationalId=001#motorisation\\_tag](http://www.mercedesbenz.com.my/content/malaysia/mpc/mpc_malaysia_website/myng/home_mpc/passengerCars/home/new_cars/models/cclass/_w204/configurator/configurator_w204.html?tp_ccci=/dscc_my/globalsessionid/DSC_ger3A31643B39266A37FF3251540A5E0300/dsc_locale/en_MY/appId/DSC_ger/siteLocale/en_MY/newConfiguration.jam1%3bjSessionId=0000Jzr86uR60HZLcPGEmxJe0Ij:186s0758d%3fClassId=%26BaumusterId=204054%26ClassGroupId=%26BodyId=%26NationalId=001#motorisation_tag).

Jadual 4.4 di atas menjelaskan perbandingan harga bagi kenderaan yang mepunyai nilai keupayaan enjin 2996 CC. Lajur (a) ialah bilangan kenderaan iaitu 1. Lajur (b) ialah tahun langganan di mana ianya dilanggan pada tahun 2014 M. Lajur (c) ialah harga kenderaan, di mana harga yang ditakafulkan ialah RM 325 888. Lajur (d) ialah sumbangan takaful menggunakan takwim Gregory iaitu RM 8 802.59. Lajur (e) ialah sumbangan takaful dalam takwim hijri iaitu RM 8 537.31. Perbezaan harga seperti ditunjukkan dalam lajur (f) ialah RM 265.28. Pengkaji juga mengandaikan penjimatan yang lebih besar akan berlaku sekiranya diunjurkan 10 tahun lagi ke hadapan. Jadual 4.4.1 adalah andaian unjuran tersebut:-

Jadual 4.4.1: Anggaran unjuran selama 10 tahun Gregory

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e) = $\frac{d}{365} \times 354$	(f) = d – e
1	2014	325888	8 802.59	8 537.31	265.28
2	2015	293299	7 955.27	7 715.52	239.75
3	2016	263969	7 192.69	6 975.92	216.77
4	2017	237572	6 506.37	6 310.29	196.08
5	2018	213815	5 888.69	5 711.22	177.47
6	2019	192434	5 332.78	5 172.07	160.71
7	2020	173191	4 832.47	4 686.83	145.64
8	2021	155872	4 382.17	4 250.10	132.07
9	2022	140285	3 976.91	3 857.06	119.85
10	2023	126257	3 612.18	3 503.32	108.86
		Total	58 482.12	56 719.65	1 762.47

Jadual 4.4.1 di atas adalah unjuran yang dibuat berdasarkan 10 tahun takwim Gregory. Lajur (a) ialah bilangan tahun iaitu 1 hingga 10 tahun Gregory. Lajur (b) ialah perubahan tahun bermula dari tahun 2014 M hingga tahun 2023 M. Pada lajur (c) ialah perubahan harga sumbangan takaful bagi kenderaan tersebut. Harga

berubah-ubah bermula dengan RM 8 802.59 hingga RM 3 612.18. Manakala harga keseluruhan yang perlu disumbang oleh peserta takaful ialah RM 58 482.12. Didapati harga berkurang sebanyak 10% setahun. Lajur (e) dengan berpandukan kepada formula diberikan menunjukkan sumbangan menggunakan takwim Hijri. Harga berubah-ubah dari RM 8 537.31 hingga RM 3 503.32 di mana keseluruhan sumbangan adalah RM 56 719.65. Lajur (f) pula adalah perbezaan sumbangan antara takwim Gregory dan Hijri. Didapati sumbangan selama 10 tahun Gregory boleh dijimatkan sebanyak RM 1 762.47 jika menggunakan takwim Hijri.

#### **4.2.5 KENDERAAN YANG MEMPUNYAI NILAI KEUPAYAAN ENJIN (CC) 3051 CC- 4100 CC.**

##### **5. CLS 350 BlueEFFICIENCY**

Sampel berikutnya ialah kenderaan jenis Mercedes Benz CLS 350 BlueEFFICIENCY yang berkapasiti 3498 cc. Harga bagi kenderaan baru jenis ini ialah RM 756 167.00<sup>6</sup>. Analisis dibuat dengan mengambil kira bilangan kenderaan (a), tahun langganan (b), harga sumbangan takaful (c), takwim digunakan: Gregory (d); Hijri (e), dan perbezaan antara takwim Gregory dan Hijri (f) dengan berpandukan jadul 4.5 di bawah ini:-

---

<sup>6</sup> <http://www.mercedes-benz.com.my/>, “CLS 350 BlueEFFICIENCY,” dilihat pada 20 April, 2014, [http://www.mercedes-benz.com.my/content/media\\_library/malaysia/media\\_library/passenger\\_cars/price\\_list/Price\\_List\\_2012/01\\_2012\\_Peni\\_CLS350\\_pdf.object-Single-MEDIA.tmp/CLSPeni.pdf](http://www.mercedes-benz.com.my/content/media_library/malaysia/media_library/passenger_cars/price_list/Price_List_2012/01_2012_Peni_CLS350_pdf.object-Single-MEDIA.tmp/CLSPeni.pdf).

Jadual 4.5: Kereta jenis CLS 350 BlueEFFICIENCY, berkeupayaan enjin 3498 CC ,

tahun 2014

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e) = $\frac{d}{365} \times 354$	(f) = $d - e$
1	2014	756 167	20,020.19	19,416.84	603.35
		Total	20,020.19	19,416.84	603.35

Sumber: [www.mercedes-benz.com.my](http://www.mercedes-benz.com.my)

Jadual 4.5 di atas menunjukkan sebuah kendaraan yang berharga RM 756 167 dengan keupayaan enjin 3498 cc. Jadual mendapat seperti dalam lajur (a) ialah bilangan iaitu satu. Lajur (b) ialah tahun langganan di mana kereta tersebut dilanggan pada tahun 2014 M. Harga sumbangan takaful seperti tercatat dala lajur (c) iaitu RM756 167. Lajur (d) ialah sumbangan menggunakan takwim Gregory iaitu RM 20 020.19 bagi setahun sumbangan. Lajur (e) ialah sumbangan takaful dalam takwim Hijri iaitu sebanyak RM 19 416.84 setahun. Manakala bagi lajur (f) ialah perbezaan sumbangan antara takwim Gregory dan takwim Hijri. Jadual mendapat harga berkurang sebanyak RM 603.35 setahun jika disumbang menggunakan takwim Hijri. Seterusnya pengkaji mengandaikan dengan mengunjurkan 10 tahun Gregory untuk melihat perbezaan seperti dalam jadual 4.5.1 di bawah ini:-

Jadual 4.5.1: Anggaran unjuran selama 10 tahun Gregory

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e) = $\frac{d}{365} \times 354$	(f) = d – e
1	2014	756 167	20 020.19	19 416.84	603.35
2	2015	680 550	18 054.15	17 510.05	544.10
3	2016	612 495	16 284.72	15 793.95	490.77
4	2017	551 246	14 692.25	14 249.47	442.78
5	2018	496 121	13 259.00	12 859.41	399.59
6	2019	446 509	11 969.08	11 608.37	360.71
7	2020	401 858	10 808.16	10 482.43	325.73
8	2021	361 672	9 763.32	9 469.08	294.24
9	2022	325 505	8 822.98	8 557.08	265.90
10	2023	292 955	7 967.68	7 727.56	240.12
		Total	131 641.53	127 674.25	3 967.28

Jadual 4.5.1 di atas menjelaskan bahawa terdapat perbezaan apabila menggunakan takwim Gregory dan Hijri. Lajur (a) menjelaskan tentang perubahan tahun iaitu 1 hingga 10, lajur (b) menjelaskan tentang tahun langganan di mana takaful dilanggan dari tahun 2014 M hingga 2023 M. Berikutnya harga sumbangan takaful direkodkan bermula RM 756 167 hingga harga terendah iaitu RM 292 955. Lajur (d) ialah harga menggunakan takwim Gregory bermula RM 20 020.19 pada tahun 2014 M dan diakhiri dengan harga RM 7 967.68 pada tahun ke 10. Sumbangan dengan takwim Hijri seperti ditunjukkan dalam lajur (e) ialah RM 19 416.84 pada tahun 2014 M dan diakhiri dengan RM 7 727.56 pada tahun ke-10. Secara keseluruhan terdapat perbezaan harga pada lajur (f) di mana mencatatkan perbezaan keseluruhan sebanyak RM 3 967.28.

#### **4.2.6 KENDERaan YANG MEMPUNYAI NILAI KEUPAYAAN ENJIN (CC) 4101 CC- 4250 CC.**

##### **6. New Maserati Granturismo**

Kenderaan berikutnya adalah kenderaan dalam nilai keupayaan enjin 4101 cc hingga 4250 cc. Pengkaji mendapat terdapat beberapa kenderaan dalam kelas ini. Pengkaji membawakan di sini sebuah kenderaan yang mempunyai nilai keupayaan enjin (CC) 4200 iaitu Maserati Granturismo<sup>7</sup>. Harga yang tercatat pada laman sesawang tersebut ialah £ 82 855. Pengkaji mengandaikan harga tersebut melebihi RM 1 juta jika dibawa ke Malaysia<sup>8</sup>. Justeru harga yang dimasukkan di sini ialah RM 1 juta. Jadual 4.6 di bawah ini menunjukkan beberapa lajur untuk dianalisis. Analisis dibuat dengan mengambil kira bilangan kenderaan (a), tahun langganan (b), harga sumbangan takaful (c), takwim digunakan: Gregory (d); Hijri (e), dan perbezaan antara takwim Gregory dan Hijri (f) dengan berpandukan jadul 4.5 di bawah ini:-

---

<sup>7</sup> <http://www.hrowen.co.uk/>, “New Maserati Granturismo,” dilihat pada 20 April, 2014, <http://www.hrowen.co.uk/maserati/new-cars/gran-turismo/>.

<sup>8</sup> Pengkaji meletakkan harga RM 1 juta kerana kereta mewah yang terdapat di negara ini perlu membayar cukai import yang tinggi jika ingin menggunakannya

Jadual 4.6: Kereta jenis New Maserati Granturismo, berkeupayaan enjin 4200 CC ,

tahun 2014

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e) = $\frac{d}{365} \times 354$	(f) = $d - e$
1	2014	1 000 000	26,390.20	25,594.88	795.32
		Total	26,390.20	25,594.88	795.32

Sumber: <http://www.hrowen.co.uk/>

Jadual 4.6 di atas menunjukkan (a) bilangan kenderaan iaitu satu, (b) tahun langganan iaitu 2014 M. Lajur (c) menunjukkan harga pasaran mengikut sumbangan takaful iaitu RM 1 juta. Sumbangan menggunakan takwim Gregory seperti dalam lajur (d) ialah RM 26 390.20 dan lajur (e) iaitu takwim Hijri ialah RM 25 594.88. perbezaan sumbangan seperti yang tercatat dalam jadual tersebut ialah RM 795.32. Justeru pengkaji membawakan suatu unjuran lengkap ilustrasi bagi menunjukkan terdapat perbezaan sumbangan yang lebih besar jika sumbangan menggunakan takwim Hijri dilakukan. Hal tersebut boleh didapati dalam jadual 4.6.1 di bawah ini:-

Jadual 4.6.1: Anggaran unjuran selama 10 tahun Gregory

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e) = $\frac{d}{365} \times 354$	(f) = d – e
1	2014	1000000	26 390.20	25 594.88	795.32
2	2015	900000	23 790.20	23 073.24	716.96
3	2016	810000	21 450.20	20 803.76	646.44
4	2017	729000	19 344.20	18 761.22	582.98
5	2018	656100	17 448.80	16 922.95	525.85
6	2019	590490	15 742.94	15 268.50	474.44
7	2020	531441	14 207.67	13 779.49	428.18
8	2021	478297	12 825.92	12 439.39	386.53
9	2022	430467	11 582.34	11 233.28	349.06
10	2023	387420	10 463.12	10 147.79	315.33
		Total	173 245.59	168 024.49	5 221.10

Jadual 4.6.1 merupakan jadual penuh untuk unjuran 10 tahun Gregory.

Didapati pada lajur (a) tahun berubah-ubah dari tahun pertama hingga tahun ke-10. Seterusnya pada lajur (b) ialah perubahan tahun langganan iaitu bermulai tahun 2014 M hingga tahun 2023 M. Kemudian lajur (c) mendapati harga pasaran dimulai dengan RM 1 juta dan pada tahun 2014 M dan berakhir pada harga RM 387 420 iaitu dengan jumlah keseluruhan RM 173 245.59. Dalam lajur (d) terdapat sumbangan menggunakan takwim Gregory iaitu sebanyak RM 26 390.20 pada tahun 2014 M dan berakhir dengan RM 10 463.12 pada tahun 2023 M. Lajur (e) menunjukkan sumbangan dalam takwim Hijri iaitu bermula dengan harga RM 25 594.88 dan berakhir dengan RM 10 147.79 pada tahun yang ke 10. Didapati perbezaan sumbangan pada lajur (f) semakin besar jika harga kenderaan meningkat. Harga perbezaan keseluruhan ialah RM 5 221.0.

#### **4.2.7 KENDERaan YANG MEMPUNYAI NILAI KEUPAYAAN ENJIN (CC) 4251 CC- 4400 CC.**

##### **7. BMW M5 Sedan**

Bagi kelas keupayaan enjin 4251 cc hingga 4400 cc, pengkaji mendapati BMW M5 Sedan tergolong dalam kelas ini. Harga pasaran yang ditawarkan untuk model ini ialah RM 901 800<sup>9</sup>. Data akan dianalisis dengan melihat kepada bilangan kenderaan (a), tahun langganan (b), harga sumbangan takaful (c), takwim digunakan: Gregory (d); Hijri (e), dan perbezaan antara takwim Gregory dan Hijri (f). Jadual 4.7 di bawah ini menerangkan spesifikasi yang disebut tadi:-

Jadual 4.7: Kereta jenis BMW M5 Sedan, berkeupayaan enjin 4251 CC , tahun 2014

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	$(e) = \frac{d}{365} \times 354$	(f) = d – e
1	2014	901 800	23,868.80	23,149.47	719.33
		Total	23,868.80	23,149.47	719.33

Sumber: [www.bmw.com.my](http://www.bmw.com.my)

Jadual 4.7 di atas menerangkan berkaitan kenderaan bagi nilai keupayaan enjin 4251 cc hingga 4400 cc. Didapati BMW M5 Sedan berada dalam kategori nilai keupayaan enjin (CC) tersebut. Lajur (a) menerangkan tentang bilangan iaitu satu. Lajur (b) ialah perubahan tahun, di mana tahun langganan adalah 2014. Harga

<sup>9</sup> www.bmw.com.my, “BMW M5 Sedan,” dilihat pada 20 April, 2014, <http://www.bmw.com.my/com/en/newvehicles/mseries/m5sedan/2013/showroom/index.html>.

pasaran untuk nilai perlindungan takaful seperti ditunjukkan pada lajur (c) ialah RM 901 800. Seterusnya pada lajur (d) disebut harga kenderaan menggunakan takwim Gregory. Lajur (e) pula ialah harga kenderaan jika menggunakan takwim Hijri iaitu RM 23 149. Didapati terdapat perbezaan harga antara takwim Gregory dan Hijri iaitu sebnayak RM 719.33. seterusnya pengkaji mengunjurkan pengiraan perbezaan takwim tersebut sehingga 10 tahun Gregory akan dating. Andaian pengkaji adalah seperti dalam jadual 4.7.1 berikut :-

Jadual 4.7.1: Anggaran unjuran selama 10 tahun Gregory

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e) = $\frac{d}{365} \times 354$	(f) = d – e
1	2014	901 800	23 868.80	23 149.47	719.33
2	2015	811 620	21 524.12	20 875.45	648.67
3	2016	730 458	19 413.91	18 828.83	585.08
4	2017	657 412	17 514.71	16 986.87	527.84
5	2018	591 671	15 805.45	15 329.12	476.33
6	2019	532 504	14 267.10	13 837.13	429.97
7	2020	479 254	12 882.60	12 494.36	388.24
8	2021	431 329	11 636.55	11 285.86	350.69
9	2022	388 196	10 515.10	10 198.21	316.89
10	2023	349 376	9 505.78	9 219.30	286.48
		Total	156 934.12	152 204.60	4 729.52

Jadual 4.7.1 di atas telah menunjukkan terdapat perbandingan harga antara takwim Gregory dan takwim Hijri. Lajur (a) mendapati terdapat perubahan bilangan bermula dari 1 hingga 10. Perubahan kedua pada lajur (b) di mana tahun berubah-ubah dari 2014 M- 2023 M. Lajur (c) mendapati harga kenderaan ialah RM901 800 pada tahun 2014 M, diikuti RM 811 620 pada tahun 2015 M dan diakhiri dengan RM 349 376 pada tahun yang ke-10. Lajur (d) ialah sumbangan dengan

menggunakan takwim Gregory iaitu RM 23 868.80 pada tahun 2014 M, diikuti RM 21 524.12 pada tahun 2015 M dan diakhiri dengan RM 9 505.78 pada tahun ke-10. Lajur (e) ialah sumbangan dengan takwim Hijri iaitu RM 23 149.47 pada tahun 2014 M, diikuti RM 20 875.45 pada tahun 2015 M dan diakhiri dengan RM 9 219.30 pada tahun ke-10. Didapati terdapat perbezaan sumbangan diantara takwim Gregory dan takwim Hijri di mana perbezaan tersebut ialah RM 719.33 pada tahun 2014, diikuti RM 648.67 pada tahun 2015 M dan diakhiri dengan RM 286.48 pada tahun ke -10. Jumlah perbezaan keseluruhan ialah RM 4 729.52 bagi 10 tahun tersebut.

#### **4.2.8 KENDEREAAN YANG MEMPUNYAI NILAI KEUPAYAAN ENJIN 4400 CC KE ATAS.**

##### **8. SLS AMG (C197)**

Kenderaan terakhir ialah SLS AMG (C197). Harga pasaran bagi model jenis ini ialah RM 1 983 083<sup>10</sup>. Berkeupayaan enjin 6208 cc. Analisis dibuat dengan mengambil kira bilangan kenderaan (a), tahun langganan (b), harga sumbangan takaful (c), takwim digunakan: Gregory (d); Hijri (e), dan perbezaan antara takwim Gregory dan Hijri (f) dengan berpandukan jadul 4.8 di bawah ini:-

---

<sup>10</sup> <http://www.mercedes-benz.com.my/>, “The SLS AMG (C197),” dilihat pada 20 April, 2014, [http://www.mercedes-benz.com.my/content/media\\_library/malaysia/media\\_library/passenger\\_cars/price\\_list/Price\\_List\\_2011/04\\_2011\\_Peni\\_SLSAMG\\_pdf.object-Single-MEDIA.tmp/042011PeniSLSAMG.pdf](http://www.mercedes-benz.com.my/content/media_library/malaysia/media_library/passenger_cars/price_list/Price_List_2011/04_2011_Peni_SLSAMG_pdf.object-Single-MEDIA.tmp/042011PeniSLSAMG.pdf).

Jadual 4.8: Kereta jenis BMW M5 Sedan, berkeupayaan enjin 4251 CC , tahun 2014

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e) = $\frac{d}{365} \times 354$	(f) = $d - e$
1	2014	1 983 083	52 012.51	50 445.01	1 567.50
		Total	52 012.51	50 445.01	1 567.50

Sumber: [www.mercedes-benz.com.my](http://www.mercedes-benz.com.my)

Jadual 4.8 di atas menunjukkan sebuah kenderaan jenis Mercedes Benz SLS AMG (C197). Lajur (a) menunjukkan bilangan satu, lajur (b) ialah tahun langganan iaitu 2014 M. Lajur (c) ialah harga iaitu RM 1 983 083. Sumbangan dalam takwim Gregory adalah RM 52 012.51 setahun manakala sumbangan dalam takwim Hijri adalah berjumlah RM 50445.01 seperti ditunjukkan dalam lajur (e). Dengan menggunakan formula di dalam lajur (f), jadual mendapat terdapat perbezaan sumbangan yang besar sekiranya sumbangan menggunakan takwim Hijri dilakukan. Pengkaji seterusnya membawakan satu unjuran sumbangan untuk sepuluh tahun menggunakan takwim Gregory dan Hijri. Jadual 4.8.1 di bawah ini menunjukkan unjuran tersebut:-

Jadual 4.8.1: Anggaran unjuran selama 10 tahun Gregory

Bilangan		Harga sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Bilangan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e) = $\frac{d}{365} \times 354$	(f) = d – e
1	2014	1 983 083	52 012.51	50 445.01	1 567.50
2	2015	1 784 775	46 856.50	45 444.39	1 412.11
3	2016	1 606 298	42 216.10	40 943.83	1 272.27
4	2017	1 445 668	38 039.72	36 893.32	1 146.40
5	2018	1 301 101	34 280.98	33 247.85	1 033.13
6	2019	1 170 991	30 898.12	29 966.94	931.18
7	2020	1 053 892	27 853.54	27 014.12	839.42
8	2021	948 503	25 113.43	24 356.59	756.84
9	2022	853 653	22 647.33	21 964.81	682.52
10	2023	768 288	20 427.84	19 812.21	615.63
		Total	340 346.07	330 089.07	10 257.00

Jadual 4.8.1 mendapati bilangan kenderaan dalam lajur (a) berubah sehingga 10 tahun. Lajur (b) menunjukkan perubahan tahun iaitu bermula tahun 2014 M hingga tahun 2023 M. Lajur (c) ialah harga pasaran kenderaan yang perlu ditakafulkan. Didapati harga bagi kenderaan model ini pada tahun 2014 ialah RM 1 983 083. 10 tahun berikutnya iaitu pada tahun 2023 M, harga menyusut sehingga RM 768 288 iaitu penyusutan 10% setahun. Sumbangan dalam takwim Gregory pada tahun 2014 ialah RM 52 012.51 dan RM 20 427.84 pada 10 tahun berikutnya iaitu pada tahun 2023 M seperti yang ditunjukkan dalam lajur (d). lajur (e) pula ialah sumbangan dalam takwim hijri iaitu RM 50 445.01 dan diakhiri dengan RM 19 812.21 pada 10 tahun berikutnya. Lajur (f) ialah perbezaan sumbangan antara takwim Gregory dan takwim Hijri. Jadual mendapati jumlah perbezaan sumbangan semakin membesar sekiranya harga kenderaan juga tinggi. Perbezaan yang ditunjukkan ialah RM 10 527 selama 10 tahun tersebut.

#### **4.3 IMPLIKASI PERLAKSANAAN TAKWIM HIJRI TERHADAP PESERTA TAKAFUL**

Secara keseluruhan dapatkan daripada kategori tarif kenderaan yang dibawa oleh pengkaji sebelum ini, maka dapatlah diakui bahawa penggunaan takwim Hijri akan memberi penjimatan kepada peserta takaful. Penjimatan dalam dalam kajian ini terjadi sekiranya peserta diberi pilihan menggunakan takwim Hijri. Hal ini kerana penjimatan tersebut terjadi kerana jumlah bilangan hari antara takwim Gregory dan takwim Hijri adalah tidak sama panjang iaitu berkurang sebanyak 11 hari. Jika peserta menggunakan takwim Gregory sahaja, maka penjimatan tidak akan berlaku. Begitu juga sebaliknya, jika menggunakan takwim Hijri semata-mata maka penjimatan tersebut tidak ada. Perkara ini menjawab andaian yang dilontarkan pengkaji dalam bab 1 sebelum ini iaitu pilihan kepada peserta memilih takwim Hijri akan memberikan penjimatan dalam urusan takaful kenderaan. Jadual 4.9 di bawah ini menunjukkan hasil daripada perbandingan yang dibuat sebelum ini.

Jadual 4.9: Perbandingan penjimatan Penggunaan Takwim Gregory dan Hijri

Bil	Nama kenderaan	Kategori tarif	Takwim Gregory (RM)	Takwim Hijri (RM)	Perbeaan sumbangan (RM)
1	Perodua Myvi XT EZ1	Bawah 1400	10 061.50	9 758.27	303.22
2	Alza Advanced Version	1401-1650	13,599.56	13,189.71	409.85
3	Nissan Sylphy 2.0	1651-2200	22 432.29	21 756.25	676.04
4	C 300 Avantgarde With AMG Sports	2201-3050	58 482.12	56 719.65	1 762.47
5	CLS 350 BlueEFFICIENCY	3051-4100	131 641.53	127 674.25	3 967.28
6	New Maserati Granturismo	4101-4250	173 245.59	168 024.49	5 221.10
7	BMW M5 Sedan	4251-4400	156 934.12	152 204.60	4 729.52
8	SLS AMG (C197)	4400 ke atas	340 346.07	330 089.07	10 257.00

Bilangan kenderaan 1 hingga 8 dalam jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan sumbangan peserta takaful motor antara takwim Gregory dan Hijri. Jadual mendapati sekiranya nilai keupayaan enjin (CC) sebuah kenderaan lebih besar, maka sumbangan takaful juga adalah besar. Hal ini terjadi sekiranya keupayaan enjin bertambah besar, maka kenderaan tersebut juga berharga lebih tinggi. Jadual mendapati perbezaan sumbangan meningkat lebih besar iaitu bermula dari RM 303.22 pada baris pertama dan meningkat sehingga RM 10 257 pada baris ke – 8. Peningkatan ini adalah selaras dengan peningkatan harga kenderaan seperti yang dijelaskan dalam analisis sebelum ini. Didapati pada baris ke-7 perbezaan sumbangan adalah berkurang, hal ini kerana harga New Maserati Granturismo adalah lebih mahal dari BMW M5 Sedan.

Secara keseluruhannya pengkaji mendapati menggunakan takwim Hijri adalah lebih menjimatkan berbanding takwim Gregory berpandukan kepada data-data yang dibawa pengkaji. Penjimatan akan terjadi sekiranya peserta takaful diberi pilihan untuk memilih menggunakan takwim Hijri berbanding takwim Gregory. Penjimatan tidak akan berlaku sekiranya syarikat takaful hanya menggunakan takwim Gregory ataupun menggunakan takwim Hijri sahaja. Justeru hasil ini telah menjawab andaian yang dilontarkan pengkaji dalam bab 1 yang lepas bahawa menggunakan kalendar Hijri adalah menguntung dan menjimatkan peserta takaful jika diberi pilihan oleh syarikat takaful.

#### **4.4 IMPLIKASI PENGGUNAAN TAKWIM HIJRI KEPADA SYARIKAT TAKAFUL**

Seperti yang dimaklumi, sesebuah syarikat takaful akan memaksimumkan keuntungan dalam menjana pendapatan kepada syarikat. Dalam apa jua rintangan mereka akan sedaya upaya melakukan kebaikan demi keuntungan yang akan dikecapi. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada ISM, jumlah perolehan takaful motor bagi industri keseluruhan ialah RM 2 332 825,256 dari tahun 2006-2011. Jumlah yang terlalu banyak iaitu melebihi RM 2 bilion. Manakala perolehan bagi takaful motor Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (TISB) pula berjumlah RM 541 811 302 dari tahun 2006-2011. Perolehan sumbangan kasar takaful motor Takaful Ikhlas Sdn. Bhd (TISB) akan berkurang sebanyak RM 16 328 560 jika penggunaan takwim Hijri dilaksanakan. Hal ini dibuktikan dalam jadual di bawah yang menunjukkan jumlah perolehan sumbangan kasar TISB akan berkurang dari RM 541 811 302 kepada RM525,482,742.

**Jadual 4.10: Perolehan Sumbangan Kasar Takaful Motor Industri Takaful Berbanding Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB)**

<b>Tahun</b>	<b>Sumbangan kasar keseluruhan takaful motor</b>	<b>Sumbangan takaful motor TISB (a)</b>	<b>Sumbangan kasar jika menggunakan takwim Hijri (b) (b) = <math>\frac{a}{365} \times 354</math></b>
2006-2007	297 748 681	53 383 688	<b>51 774 865</b>
2007-2008	326 271 601	67 830,618	<b>65 786 408</b>
2008-2009	438 173,159	95 799 711	<b>92 912 596</b>
2009-2010	557 553 170	150 441 934	<b>145 908 067</b>
2010-2011	713 078 645	174 355 351	<b>169 100 806</b>
Total	2 332 825 256	541 811 302	<b>525 482 742</b>

Sumber: ISM Insurance Services Malaysia Berhad

Sungguhpun perolehan sumbangan kasar Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) berkurang sebanyak RM16,328,560 pada (2006-2011). Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) masih boleh menjana pendapatan dari sektor takaful yang lain. Hal ini kerana Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) bukan sahaja menumpu kepada industri takaful motor semata-mata, malah meliputi semua urusan yang berkaitan industri takaful termasuk takaful keluarga, perubatan dan juga takaful am yang lain.

Menurut *statistical bulletin*<sup>11</sup> yang dikeluarkan oleh ISM, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (TISB) telah mencatat perolehan kasar sebanyak RM 230 803 340 (Januari–Disember 2010) berbanding industri keseluruhan iaitu kira-kira RM 1 330 396 209 (Januari–Disember 2010). Pencapaian ini menjadikan Takaful Ikhlas Sdn. Bhd (TISB) menduduki tangga ketiga selepas Etiqa Takaful Berhad dan Syarikat Takaful Malaysia Berhad.(STMB). Perolehan ini meliputi keseluruhan sektor takaful am meliputi produk-produk lain yang berada di pasaran seperti tercatat dalam jadual 4.8 di bawah ini :-

Jadual 4.11: Sumbangan Kasar Keseluruhan Produk Takaful Am Takaful Ikhlas Sdn Bhd. (TISB)

Produk	Perolehan Kasar (RM)
<i>MAT</i>	1,211,244
<i>Aviation</i>	0
<i>Cargo</i>	961,942
<i>Contractor All Risks &amp; Engineering</i>	7,171,863
<i>Fire</i>	30,712,155
<i>Liability</i>	1,514,602
<i>Marine Hull</i>	249,302
<i>Medical expenses</i>	3,993,393
<i>Motor</i>	174,414,932
<i>Offshore Oil-related</i>	0
<i>Personal Accident</i>	6,958,631
<i>Workmen's Compensation &amp; Employers Liability</i>	844,345
<i>Bonds &amp; Others</i>	3,982,175

Sumber: ISM report 2011

---

<sup>11</sup> ISM Insurance Services Malaysia Berhad, “Takaful Market Perfomance Report,” *Statistical Bulletin Takaful Market Perfomance Report SB2002–002* (2011).3

Menurut jadual di atas, takaful motor adalah penyumbang utama sektor takaful am di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (TISB), manakala produk lain adalah pelengkap bagi sumbangan kasar kepada syarikat. Pengekalan dalam produk takaful motor ini hendaklah berkekalan supaya peserta yang menyertai takaful berasayakin dengan kebolehan syarikat mengatasi sesuatu masalah yang timbul kelak. Syarikat perlu berusaha untuk mengekalkan sektor takaful motor supaya berdaya saing dan mendapat kepercayaan tinggi di kalangan peserta yang akan menyertainya. Menurut Nik Mustapha Nik Mohamad<sup>12</sup> pihak syarikat boleh menstabilkan harga dan seimbangkannya kembali dengan mengurangkan tuntutan akibat kemalangan. Perkara ini boleh dielakkan dengan memberi kesedaran kepada pihak bengkel (*panel workshop*) dan *adjuster* supaya lebih bertanggungjawab dalam membuat tuntutan. Kebiasaan apabila tuntutan yang dibuat melebihi jumlah kemalangan, maka syarikat juga akan menanggung risiko kerugian yang besar. Lebihan wang yang dibayar kepada bengkel tersebut boleh digunakan untuk membangunkan kemungkinan penggunaan takwim Hijri dalam industri takaful motor.

Beliau menyarankan lagi bahawa risiko kepada syarikat akan bertambah kecil sekiranya takwim Hijri dilaksanakan. Sebagai contoh kebiasaan tuntutan kemalangan adalah dalam tempoh 365 hari. Jika takwim Hijri dilaksanakan tempohnya akan menjadi pendek iaitu 354 hari. Apabila seseorang peserta mengalami kemalangan pada hari ke 355 atau 356, maka pihak syarikat tidak akan bertanggungjawab lagi ke atas kemalangan tersebut sekiranya terjadi selepas 12 tengah malam. Jadi wang

---

<sup>12</sup>.Nik Mustapha Nik Mohamad, (Ketua Perunding Takaful Berdaftar (Registered Financial Consultant (US)). Dalam temubual bersama pengkaji, 1 Mac 2012.

tersebut boleh dijimatkan oleh pihak syarikat manakala peserta tersebut perlu memperbaharui takaful pada suatu tempoh yang baru.

Masalah pengurusan syarikat juga dapat diatasi kerana jangka masa pengurusan akan menjadi pendek. Hal ini boleh mengurangkan wang pengurusan syarikat kerana pihak pengurusan tidak perlu mengurus sesuatu siji takaful motor sehingga 365 hari. Gaji pekerja boleh dijimatkan manakala syarikat akan mendapat untung secara tersembunyi.

Bagi Zaifizar Zainal Abidin<sup>13</sup> pula, beliau berpendapat sebaliknya. Jika takwim Hijri dilaksanakan, maka syarikat akan mengalami kerugian kerana jumlah hari adalah bertambah pendek berbanding jumlah hari yang terdapat dalam takwim Gregory iaitu 365 hari. Beliau merasakan tidak adil bagi sesebuah kenderaan dikenakan jumlah perlindungan yang sama antara takwim Hijri dan takwim Gregory jika ianya dilaksanakan. Jika kenderaan yang mengambil takwim Hijri ditakafulkan sebanyak RM 100 000 dan kenderaan yang menggunakan takwim Gregory juga ditakafulkan pada harga yang sama, maka akan terdapat ketidakseimbangan harga kerana kedua-duanya berada dalam jumlah hari yang tidak sama. Satu kenderaan 354 hari manakala satu lagi 365 hari. Kemungkinan pihak syarikat akan megenakan tambahan bayaran (*loading*) jika takwim Hijri dilaksanakan. Jika dilaksana pun jumlah perlindungan bagi takwim Hijri akan berkurang manakala sumbangannya akan menjadi tinggi.

---

<sup>13</sup> Zaifizar Zainal Abidin, (Pengurus Aktuari Takaful Ikhlas Sdn. Bhd) dalam temubual dengan pengkaji, 13 Januari 2011).

Beliau menambah lagi bahawa apabila terjadi jumlah tuntutan tinggi, maka premium terpaksa dinaikkan. Beliau memberi contoh kebanyakan kes Takaful Ikhlas Sdn. Bhd (TISB) mengenakan tambahan bayaran (*loading*) kepada peserta adalah disebabkan jumlah tuntutan melebihi sumbangan. Jika hal ini berlaku, bermakna nisbah tuntutan (*claim ratio*) akan menjadi tinggi.

Melihat dari aspek pengurusan pula, beliau menjangkakan bahawa pihak staf pentadbiran akan mengalami bebanan kerja yang lebih. Ini kerana sesebuah kenderaan yang menggunakan takwim Hijri akan menikmati nilai diskauan tanpa tuntutan (NCD) lebih awal berbanding kenderaan yang menggunakan takwim Gregory. Pembaharuan sijil bertambah kerana masa lebih cepat sedangkan staf tidak cukup untuk mengendalikan sistem keseluruhannya. Justeru pihak syarikat perlu mengeluarkan wang untuk menambah staf yang ada. Tetapi beliau menambah syarikat akan untung sekiranya kesemua sistem takwim berubah daripada takwim Gregory kepada takwim Hijri.

Nor Ailis Sumedi<sup>14</sup> bersetuju bahawa takwim Hijri menjimatkan peserta takaful jika dibuat perbandingan harga dalam tempoh yang panjang. Tetapi beliau menafikan ianya boleh menguntungkan syarikat kerana banyak perkara perlu diambil kira dalam pelaksanaannya. Beliau memberi pendapat seperti yang diutarakan Zaifizar Zainal Abidin sebelum ini yang antara lain mengatakan bahawa nisbah

---

<sup>14</sup> Temubual Nor Ailis Sumedi, Timbalan Presiden Aktuari, 23 April 2011.Bertempat di Ikhlas Point bangsar South Kuala Lumpur

tuntutan (*claim ratio*) akan menjadi tinggi manakala akan terdapat kos lain seperti *burning cost*<sup>15</sup> yang perlu ditanggung syarikat.

Kedua-dua pendapat dari Zaifizar dan Ailis ini disokong oleh Mohd Fauzi Yaacob<sup>16</sup>, beliau mengatakan agak mustahil takwim Hijri dilaksanakan kerana sistem takwim yang ada sekarang digunakan di seluruh dunia. Penggunaan takwim Hijri akan melibatkan urusan perundangan dan hal inilah yang perlu diambil kira. Perlaksanaan boleh dilakukan sekiranya kesemua sistem takwim berubah daripada Gregory kepada Hijri.

Sawal Muda<sup>17</sup> dalam komentarnya berkaitan implikasi kepada peserta dan syarikat memberi pandangan syarikat perlu mengeluarkan wang yang banyak jika ingin menukar sistem daripada Gregory kepada Hijri. Hal ini kerana sistem antarabangsa telah menetapkan penggunaan takwim Gregory. Selain itu terdapat perjanjian antara Persatuan Insurans Am Malaysia untuk syarikat insurans dan takaful mengikut tarif yang dikeluarkan oleh mereka. Produk takaful am tidak banyak memberi keuntungan kepada syarikat jika terdapat tuntutan yang banyak sebaliknya akan mendapat keuntungan sekiranya peserta takaful membatalkan nota lindung, tambah perlindungan tambahan seperti cermin dan membuat bayaran pro rata untuk penyambungan takaful<sup>18</sup>. Beliau menambah kemungkinan penggunaan takwim Hijri itu boleh dilaksana, kerana takaful mempunyai jenama Islamik yang terkenal di seluruh dunia.

<sup>15</sup> *Burning cost* bermaksud sejumlah sumbangan yang diperlukan untuk menampung kerugian berdasarkan pengalaman sejarah untuk perjanjian takaful semula yang dicadangkan. Lihat <http://www.findalink.net/reinsurance/def-b.php> 2 Januari 2012

<sup>16</sup> Mohd Fauzi Yaacob Eksekutif General Non Motor Underwriting, temubual 23 Mac 2011 bertempat di Ikhlas Point Bangsar South Kuala Lumpur

<sup>17</sup> Sawal Muda, (Pengurus Korporat dan Brooking) dalam temubual bersama pengkaji pada 20.3.2014.

<sup>18</sup> Bayaran prorata untuk sambungan takaful juga dikira berdasarkan hari.

#### **4.5 ANALISIS IMPLIKASI ANTARA PESERTA DAN SYARIKAT**

Hujah-hujah yang diberikan responden dalam komentar terhadap masalah ini perlu diambil kira. secara perbandingan hari terhadap analisis tarif dan harga takaful telah menunjukkan menggunakan takwim Hijri adalah menjimatkan, namun analisis tersebut perlu dilihat terhadap banyak sudut dan mengambil kira faktor lain secara menyeluruh. Penjimatan terhadap peserta takaful hanya terjadi sekiranya peserta diberi pilihan menggunakan takwim Hijri dalam sistem dwi takwim. Kenyataan Nik Mustapha Nik Mohamad tentang pengurangan hari untuk tuntutan juga tidak boleh digunakan kerana syarikat takaful didirikan atas dasar tabarru' dan bukan seperti insurans iaitu penaggung risiko. Bagi syarikat pula, implikasi akan bertambah besar kerana perlu mengambil kira faktor faktor lain seperti perjanjian dengan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), undang-undang antarabangsa, tuntutan, perbezaan sumbangan dan jumlah perlindungan yang berbeza, dan *burning cost*. Justeru implikasi tidak menguntungkan terhadap syarikat adalah lebih besar berbanding penjimatan yang diperolehi peserta takaful disebabkan perbandingan harga tadi.

#### **4.6 ULASAN IMPLIKASI ANTARA PESERTA DAN SYARIKAT TAKAFUL**

Setelah meneliti segala bahan yang telah diperolehi dan dianalisis, pengkaji dapati bahawa kemungkinan penggunaan takwim Hijri akan memberikan implikasi kepada kedua-dua belah pihak iaitu peserta takaful dan juga syarikat takaful.

Peserta seperti yang ditunjukkan sebelum ini mendapat akan membuat sumbangan takaful yang lebih rendah jika menyumbang menggunakan takwim Hijri kepada syarikat takaful. Mereka juga akan mendapat perlindungan yang tinggi dan sumbangan tahunan rendah. Sekiranya mereka menyumbang jumlah yang besar kepada syarikat takaful secara tidak langsung mereka telah menderma dan sudah pasti mendapat keuntungan di akhirat. Hal ini kerana syarikat takaful didirikan atas dasar tabarru'.

Kerugian kepada peserta takaful juga akan wujud sekiranya takwim Hijri dilaksanakan. Hal ini kerana peserta takaful tidak boleh menikmati nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD) seperti yang dinikmati sebelum ini. Hal ini kerana kenderaan yang dimiliki tidak mencapai jumlah hari 365 hari seperti yang dipersetujui oleh syarikat untuk diberikan kepada peserta takaful.

Manakala bagi syarikat pula, dapatan mendapat perolehan syarikat akan menjadi susut kerana perbezaan hari yang dikira akan menjadi pendek. Perbezaan 11 hari seperti yang disebut dalam teori bab dua sebelum ini menjadikan perolehan yang biasanya diperolehi syarikat menyusut sebanyak hampir 3% setahun. Syarikat juga perlu menanggung perbelanjaan lebihan hari sekiranya kemungkinan takwim Hijri

dilaksanakan. Perbelanjaan itu termasuk perbelanjaan pengurusan, perbelanjaan lebihan perlindungan, perbelanjaan kerosakan kenderaan dan perbelanjaan menukar sistem daripada takwim Gregory kepada takwim Hijri.

Syarikat juga akan mengalami kemungkinan meningkatkan tambahan bayaran (*loading*) kepada peserta takaful sekiranya perolehan syarikat berkurangan dari jumlah pampasan yang akan dibayar kepada peserta jika mengalami kerugian.

Bagi masalah nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD) pula, syarikat akan mengalami kerugian sekiranya memberikan nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD) kepada peserta yang tidak mencapai setahun Gregory tetapi boleh membuat keuntungan kerana peserta takaful membayar jumlah nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD) yang berjumlah 365 hari.

Melalui temubual yang telah dijalankan juga mendapat keuntungan kedua-dua belah pihak boleh dijana sekiranya keseluruhan sistem berubah.

#### **4.7 POTENSI PENGGUNAAN TAKWIM HIJRI KEPADA PESERTA TAKAFUL MENURUT KACA MATA AHLI AKADEMIK DAN PENGAMAL INDUSTRI.**

Pandangan dan pendapat ahli akademik dan pengamal industri adalah amat perlu bagi melihat sejauh mana takwim Hijri mampu dilaksanakan di Malaysia terutamanya dalam memberi keuntungan kepada peserta takaful motor. Antara ahli

akademik dan pengamal industri yang telah memberi buah fikiran dalam merealisasikan kemungkinan penggunaan takwim Hijri ini dan potensinya kepada peserta takaful adalah terdiri daripada kalangan profesional yang mahir dalam bidang yang dikaji pengkaji ini.

Mereka telah memberi buah fikiran yang bernes dan dan baik serta menepati objektif yang dikaji pengkaji dalam masalah ini. Menurut Susiknan Azhari<sup>19</sup> takwim Hijri perlu digunakan kerana produk takaful dikenali umum menjalankan perniagaan yang bersifat Islamik. Disebabkan produk tersebut adalah produk Islamik, maka perlu digunakan sebuah takwim yang menepati kehendak syariah keseluruhannya seperti menggabungkannya dengan penggunaan takwim Hijri. Hal ini kerana terdapat perintah daripada Allah SWT tentang penggunaannya. Perbandingan penggunaan takwim Hijri ini boleh dilihat di dalam al-Quran seperti mana firman Allah SWT:-

وَلَبِثُوا فِي كَهْفِهِمْ ثَلَاثَ مِائَةٍ سِنِينَ وَأَزْدَادُوا تِسْعَا

Bermaksud; “*dan mereka telah tinggal tidur dalam gua mereka: tiga ratus tahun (dengan kiraan ahli Kitab), dan sembilan lagi (dengan kiraan kamu)*”.

Surah al-Kahfi (18):25

Beliau menjelaskan bahawa penggunaan 300 tahun dalam ayat tersebut merujuk kepada takwim *Syamsi* manakala perkataan *wazdādū tis'ā* itu memberikan maksud penggunaan takwim Hijri. Hal ini kerana takwim *Syamsi* mempunyai hari

---

<sup>19</sup> Profesor Susiknan Azhari, (Profesor di Universitas UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia), dalam temubual bersama pengkaji pada 28.4.2012. Beliau merupakan seorang profesor pelawat yang pernah mengajar di ISTAC, UKM dan juga UM

yang lebih panjang daripada takwim Hijri. Penggunaannya merujuk kepada *Ashāb al-Kahfī* yang berada di dalam gua tersebut dan telah tertidur selama 300 tahun dan ditambah 9 tahun mengikut perkiraan yang dikehendaki oleh Allah SWT bukanlah perkiraan biasa yang diketahui manusia.

Jika hal ini disesuaikan dalam industri takaful, bermakna ianya sesuatu yang baik kerana kita telah projeksi sesuatu pengiraan yang panjang ke hadapan. Jika di dalam kajian berkenaan perakaunan boleh diunjurkan kepada masa hadapan, maka kajian berkaitan takwim Islam ini juga boleh diunjur atau diprojeksi untuk masa hadapan. Unjuran itu menunjukkan bahawa sesuatu produk yang dihasilkan boleh menjana keuntungan kepada peserta yang menyertainya kerana mereka adalah dari kalangan yang lebih ramai berbanding syarikat. Perbezaan hari yang terjadi antara takwim Gregory dan Hijri itu boleh menguntungkan peserta takaful kerana mereka membayar jumlah yang berkurang. Beliau juga melihat projeksi tersebut mestilah panjang dan sesuai dengan kitaran bulan Hijri bagi melengkapi pusingan penuh peredaran bulan ke tempat asalnya<sup>20</sup>.

En. Ab. Latiff Abu bakar<sup>21</sup> pula mengemukakan pandangan dan mengatakan bahawa penggunaan takwim Hijri dalam industri takaful adalah sesuatu yang jarang didengar terutamanya di Malaysia. Tetapi ia adalah sesuatu yang munasabah kerana manusia boleh berfikir untuk kembali ke prinsip asal iaitu. Semua urusan ciptaan manusia termasuk urusan takwim boleh berubah dan yang tidak boleh berubah hanyalah apa yang disebutkan di dalam al-Quran dan al-Hadis Nabi SAW sahaja.

---

<sup>20</sup> Pusingan yang dimaksudkan oleh Profesor Susiknan Azhari adalah pusingan 33 tahun peredaran bulan mengelilingi matahari.

<sup>21</sup> Ab. Latiff Abu bakar, (Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. merangkap pengurus MTA) , dalam temubual bersama pengkaji pada 22.3.2011.

Beliau juga menyatakan bahawa masih terdapat ruang untuk menggunakan takwim Hijri kerana pengiraan takaful motor adalah dikira berdasarkan hari. Beliau memberi contoh bahawa sumbangan takaful motor boleh dibayar berdasarkan sumbangan berbentuk bulanan, suku tahunan, setengah tahun dan juga setahun. Peserta takaful hanya diberi ruang untuk membayar setahun oleh kerana ianya lebih mudah dan memudahkan wakil takaful dalam urusan pentadbiran mereka. Argumen lain yang dinyatakan adalah peserta takaful boleh membuat tambahan hari atau dikenali sebagai penyambungan takaful (*extension*) untuk takaful motor. Penyambungan (*extension*) dibenarkan berdasarkan jumlah hari untuk diselaraskan dengan cukai jalan mengikut jumlah hari yang tertinggal.

Bagi masalah nilai tuntutan tanpa faedah (NCD) terhadap takaful motor, Ab Latiff menambah bahawa pihak syarikat tidak boleh memberi nilai tuntutan tanpa faedah (NCD) kepada peserta takaful dan inilah yang akan membuatkan peserta takaful rugi jika penggunaan takwim Hijri dilaksanakan. Bagi menjelaskan kenyataannya, beliau berpandangan bahawa nilai tuntutan tanpa faedah (NCD) boleh dibincangkan untuk diberikan jika negara kita melaksanakan penggunaan takwim Hijri terhadap amalan takaful motor ini. Jika syarikat mempunyai lebihan dana, syarikat boleh memulangkan kembali kepada peserta takaful. Hal ini kerana nilai tuntutan tanpa faedah (NCD) masih lagi dalam lingkup ciptaan manusia dan ianya boleh berubah-ubah berbanding ciptaan hukum Allah yang kekal abadi.

Beliau menambah lagi bahawa penggunaan takwim Hijri akan menguntungkan kedua-dua pihak antara peserta dan syarikat kerana jumlah hari untuk peserta adalah pendek dan mereka boleh mengeluarkan duit yang sedikit.

Manakala bagi pihak syarikat, boleh berikhtiar untuk mendapat wang di saluran lain kerana asas dalam industri takaful memerlukan keberkatan dalam pengamalannya. Walaubagaimanapun beliau menambah bahawa proses penerapan pendidikan tersangat perlu agar masyarakat faham tentang kepentingan takwim Hijri ini supaya sesuatu kemungkinan boleh dilakukan jika ianya terlaksana nanti. Organisasi seperti *Malaysia Takaful Association* (MTA) boleh memberikan cadangan kepada Bank Negara Malaysia (BNM) sekiranya sesuatu produk baik untuk peserta tambahnya lagi.

Zaifizar Zainal Abidin<sup>22</sup> pula melihat potensi kemungkinan penggunaan takwim Hijri ini boleh menguntungkan syarikat dan peserta takaful jika keseluruhan sistem berubah kepada penggunaan takwim Hijri sepenuhnya<sup>23</sup>. Namun beliau tidak menolak kemungkinan sekiranya dilaksanakan ianya menguntungkan peserta takaful kerana tempohnya yang pendek berbanding takwim Gregory. Seperti yang beliau jelaskan sebelum ini banyak faktor yang perlu diambil kira termasuk staf (*man power*), kos, pengurusan dan juga sistem yang boleh menguntungkan peserta dan juga syarikat<sup>24</sup>. Beliau menjelaskan tim pelaksana perlu diwujud untuk memikirkan formula terhadap kadar keuntungan (*own rate*) mengikut tarif yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Hal ini perlu bagi mengelakkan berlaku lebihan bayaran kepada peserta ataupun syarikat. Beliau menambah lagi bahawa penggunaan takwim Hijri akan lebih menguntungkan peserta dan juga syarikat jika dibuat dalam

---

<sup>22</sup> Zaifizar Zainal Abidin, (*Pengurus Aktuari Takaful Ikhlas Sdn. Bhd*).

<sup>23</sup> Pandangan beliau juga sama seperti yang diutarakan oleh Mohd Fauzi Mohd Yaakob. Beliau bepandangan bahawa agak susah dilaksanakan takwim Hijri ini kerana hal ehwal ekonomi dunia dikuasai oleh negara-negara barat dan takwim yang digunakan juga adalah mengikut kuasa barat. Bank di beberapa negeri yang sebelum ini dibuka pada hari Ahad di juga diarahkan supaya tutup supaya sistem kawalan berpusat dapat dilaksanakan bagi memudahkan urusan perbankan .

<sup>24</sup> Pendapat ini juga disokong oleh Puan Ailis Sumedi. Beliau banyak mempersoalkan tentang keuntungan oleh pihak syarikat tetapi bersetuju jika takaful motor menggunakan takwim Hijri dalam proses sumbangannya oleh peserta takaful.

industri takaful keluarga. Keuntungan itu adalah disebabkan peserta menyumbang awal (*upfront*) yuran wakalah berbanding tempoh sekarang.

Bagi Nik Mustapha Nik Mohamad<sup>25</sup> pula mengatakan kemungkinan penggunaan takwim Hijri dalam industri takaful perlu dilihat dalam semua aspek. Ini kerana potensi terpendamnya ini boleh memberikan kebaikan kepada peserta dan juga syarikat. Beliau berpandangan bahawa penggunaan takwim Hijri adalah menguntungkan peserta oleh kerana harinya adalah pendek. Namun tambahnya bukan sahaja menguntungkan peserta malah syarikat. Beliau menyatakan posisi keuntungan termasuklah pentadbiran tetapi keberkesanannya tidak boleh dibuktikan kerana belum dilaksanakan. Persoalan tentang kebaikan tersebut telah pengkaji bincangkan dalam perenggan sebelum ini.

Bagi peserta setiap produk yang dikeluarkan sama ada menguntungkan ataupun tidak terpulang kepada individu itu sendiri. Syarikat boleh mencipta banyak produk tetapi pilihan adalah di tangan peserta. Bagi masalah nilai diskau tanpa tuntutan (NCD), kebiasannya peserta tidak mengambil peduli tetapi kebanyakannya akan bertanya adakah mereka mendapat diskau apabila memperbaharui takaful tersebut. Sudah tentu jika takwim Hijri dilaksanakan, semua peserta akan dapat diskau secara langsung. Pertama diskau kependekan hari dan yang kedua diskau nilai tuntutan tanpa faedah (NCD). Selain itu peserta juga dapat kebaikan kerana mengikut ajaran Islam sepenuhnya. Oleh itu sesuailah dengan firman Allah SWT:-

---

<sup>25</sup> Op.cit

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِنْ مُؤْمِنُوا أَدْخُلُوهُمْ كَافَّةً وَلَا تَتَبَعُوهُمْ  
خُطُواتِ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌ مُّبِينٌ

Bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! masuklah kamu ke dalam Agama Islam (dengan mematuhi) Segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; Sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang lagi nyata".

Surah al-Baqarah (2): 208

#### 4.7.1 ANALISIS POTENSI PENGGUNAAN TAKWIM HIJRI KEPADA PESERTA TAKAFUL

Pasaran takaful motor di Malaysia mempunyai masa depan yang cukup cerah dan mempunyai potensi yang amat baik, lantaran menerima sokongan yang menggalakkan daripada kerajaan dan individu yang terlibat. Potensi penggunaan takwim Hijri juga adalah baik kerana produk yang ditawarkan kompetitif serta memenuhi keperluan pelanggan. Kajian mengenai produk perlu diteruskan agar inovasi yang tercipta menguntungkan pengguna dan juga syarikat. Ini boleh menjadikan produk takaful motor lebih berdaya saing dan juga mencapai objektif takaful iaitu tolong menolong dalam perkara kebaikan dan takwa.

Setelah meneliti jadual yang dibawakan sebelum ini, hujah dan argumen yang diberi oleh responden temubual dan juga melalui kajian kepustakaan. Pengkaji dapati bahawa potensi penggunaan takwim Hijri kepada peserta takaful sangatlah cerah. Di samping kebaikan-kebaikan yang dibawa oleh pengkaji dan juga

keburukan-keburukan yang terjadi sekiranya takwim Hijri ini dilaksanakan, pengkaji dapati kebanyakannya merupakan elemen positif ke arah kemungkinan pelaksanaannya di Malaysia. Walaupun banyak pendapat yang mengatakan bahawa pelaksanaannya mestilah menyeluruh iaitu menggunakan takwim Hijri sahaja dengan meninggalkan takwim Gregory, pengkaji dapati pendapat ini lebih sukar untuk dilaksanakan kerana kemungkinan meninggalkan takwim Gregory adalah mustahil.

Bagi peserta, segala bukti yang dibawakan pengkaji untuk tempoh 10 tahun Gregory menjimatkan peserta takaful. Begitu juga responden temubual menyatakan bahawa ianya menguntungkan peserta takaful. Kerugiannya adalah berkaitan nilai diskau tanpa tuntutan (NCD) manakala keuntungannya apabila ianya dilaksanakan kelak.

Peranan boleh dimainkan oleh semua pihak dalam menjayakan potensi penggunaan takwim Hijri kepada peserta takaful ini. Disebabkan ianya untung dan lebih dekat kepada syariah, maka orang-orang yang terlibat seperti pegawai aktuari, Malaysia Takaful Association (MTA) boleh mengemukakan cadangan kepada bank Negara malaysia (BNM).

Disebabkan Malaysia merupakan antara negara yang membangunkan sistem perbankan kewangan Islam, maka seharusnya Malaysia membangunkan produk yang selari dengan perkiraan takwim yang dianjurkan oleh Islam. Hal ini tidak mustahil kerana Bank Pembangunan Islam yang berpengkalan di Jeddah telah lama mengira setiap aktiviti perniagaan dan ekonomi mereka mengikut kitaran takwim Hijri.

#### **4.8 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan beberapa perkara penting dalam bab ini sebagaimana berikut:-

1. Berdasarkan perbincangan dalam bab ini, dapatlah disimpulkan bahawa kemungkinan penggunaan takwim Hijri dalam industri takaful merupakan suatu yang positif dalam pelaksanaannya. Tetapi ianya perlu dilihat dari banyak sudut termasuk infrastruktur dan juga sistem yang dilaksanakan sekarang. Hasil kajian mendapati sememangnya takwim Hijri menjimatkan peserta dan sedikit sebanyak memberi keuntungan kepada syarikat takaful. Tetapi terdapat persoalan lain yang timbul yang melibatkan perundangan, sistem, dan juga komponen